

Mahasiswa UPM bimbing 1,000 murid Sabah dalam STEM

Kota Kinabalu: Lebih 1,000 pelajar di Sabah mendapat pendedahan pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) menerusi program interaktif dikendalikan 24 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Program 'Bah, STEM Dulu!' anjuran Kelab MySTEM Ambassador UPM dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu dilaksanakan di sekitar Kota Kinabalu dan Ranau, dengan mahasiswa bertindak sebagai fasilita-

tor utama.

Pensyarah Jabatan Fizik, Fakulti Sains UPM, Profesor Madya Dr Yap Wing Fen, berkata pembabitan aktif mahasiswa dalam program sedemikian mampu memperkukuh pembelajaran berasaskan pengalaman.

"Pelajar bukan sahaja menyampaikan ilmu malah mencipta pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada pelajar untuk membantu mereka memahami konsep sains dengan lebih jelas," katanya.



Sebahagian murid yang menyertai 'Bah, STEM Dulu!' anjuran Kelab MySTEM Ambassador UPM dengan kerjasama UMS.

(Foto ihsan UPM)